



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

WASPADA SINDIKET PENYAMARAN MENGGUNAKAN NAMA AHLI SURUHANJAYA DAN PEGAWAI PENGURUSAN TERTINGGI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) menafikan menawarkan perkhidmatan berbayar kepada mana-mana individu untuk dilantik ke dalam perkhidmatan awam.

2. Pihak SPA telah menerima aduan serta mengenal pasti sindiket penyamaran sebagai Ahli Suruhanjaya dan Pegawai Pengurusan Tertinggi SPA yang menawarkan perkhidmatan berbayar kepada orang awam untuk dilantik ke dalam perkhidmatan awam.

3. Sindiket penyamaran yang dikesan ini aktif dalam platform Telegram dengan menggunakan nama serta gambar Ahli Suruhanjaya dan Pegawai Pengurusan Tertinggi SPA dalam usaha untuk memperdayakan mangsa.

4. SPA memandang serius perkara ini dan satu laporan polis telah dibuat. SPA mengingatkan dan menasihatkan calon supaya berwaspada dan tidak terpedaya dengan jerat sindiket penyamaran ini.

5. Calon boleh terus memohon melalui sistem SPA9 kerana tiada sebarang bayaran dikenakan bagi permohonan kemasukan ke perkhidmatan awam.

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
19 MEI 2022**